MANUAL PENGGUNA

Sistem Pengurusan Aset (G-Asset)

Disediakan Oleh:
GOAPPS TECHNOLOGY SDN BHD

Isi Kandungan

Perkara Muka surat

BAB A 1
A. PENGENALAN 1
1. APA ITU G-ASSET ? 1
1.1. Aliran Kerja Sistem G-ASSET 1
1.2. Paparan Utama G-ASSET 2
2. KETERANGAN MODUL DIDALAM SISTEM. 2
2.1. Modul Admin - Pentadbir Sistem 2
2.2. Modul Rujukan Kod 2
2.3. Modul Pembekal 2
2.4. Modul Penerimaan 2
2.5. Modul Daftar Aset 3
2.6. Modul Pengesahan Daftar Aset 3
2.7. Modul Carian 3
2.8. Modul Penempatan 3
3. ALIRAN KERJA PENTADBIR 3
4. PERANAN KAKITANGAN SISTEM G-ASSET 4
4.1. Senarai Kakitangan Sistem G-ASSET 4
5. LOGIN SISTEM G-ASSET 5
5.1. log masuk G-ASSET 5
5.2. Dashboard G-ASSET 6
5.3. Modul Sistem G-ASSET 7
BAB B 8
A. MODUL PENERIMAAN 8
1. PENGENALAN 8
1.1. Fungsi Modul 8
1.2. Tugasan Penerimaan 8
2. SUB MODUL PENERIMAAN 8
3. ALIRAN KERJA PENERIMAAN 8
3.1. Daftar Penerimaan 9
3.2. Senarai Penerimaan 15
3.3. Senarai Penolakan 21
3.4. Senarai Pemeriksaan Teknikal 26
3.5. Laporan Penerimaan 29
B. MODUL DAFTAR ASET 31
1. MODUL DAFTAR ASET 31
1.1. Pengenalan 31
1.2. Sub Modul Daftar Aset 32
2. ALIRAN KERJA DAFTAR ASET 32
2.1. Tugas-tugas UTAMA semasa mendaftar aset: 32
2.2. Senarai Daftar Aset 33
2.3. Kemaskini Daftar Aset 36
2.4. Daftar Aset Lama 39
2.5. Daftar Aksesori 43
2.6. Rekod Daftar 45
C. MODUL PENGESAHAN 47
1. PENGENALAN 47
2. PENGESAHAN KEWANGAN 47

2.1. Menunggu Pengesahan (Harta Modal) 47
2.2. Menunggu Pengesahan (Aset Bernilai Rendah) 51
3. ALIRAN KERJA PENGESAHAN DAFTAR ASET 51
4. PENGESAHAN DAFTAR ASET 51
4.1. Menunggu Pengesahan 51
4.2. Menunggu Pengesahan (Harta Modal) 51
4.3. Menunggu Pengesahan (Aset Bernilai Rendah) 56
5. TELAH DISAHKAN 57
BAB C 60
A. MODUL CARIAN 60
1. PENGENALAN 60
2. CARIAN 60
2.1. Aliran Kerja Carian Aset 60
2.2. Carian Aset 60
2.3. Aliran Kerja Carian Mengikut Bahagian/Jabatan 68
2.4. Carian Mengikut Bahagian/Jabatan 68
2.5. Aliran Kerja Carian Pantas 71
2.6. Carian Pantas 71
2.7. Aliran Kerja Carian Komponen 73
2.8. Carian Komponen 73
2.9. Carian Aset Batal 74
B. MODUL PENEMPATAN 76
1. PENGENALAN 76
1.1. Fungsi Modul 76
1.2. Tugasan Pegawai Penempatan. 76
2. SUB MODUL PENEMPATAN 76
2.1. Kemaskini Penempatan 76
2.2. Carian Penempatan 80
BAB D 86
A. MODUL PINJAMAN ASET 86
1. PENGENALAN 86
1.1. Fungsi Modul 86
1.2. Tugasan Pegawai Pinjaman 86
2. SUB MODUL PINJAMNA ASET 86
2.1. Kumpulan Gunasama 86
2.2. Permohonan Pergerakan 90
2.3. Kelulusan Pergerakan 98
2.4. Senarai Pengeluaran 100
2.5. Pemulangan 102
2.6. Senarai Aset Dipinjam 105
2.7. Arkib Pergerakan. 107
2.8. Laporan Pergerakan 108
B. PENYELENGGARAAN ASET 110
1. PENGENALAN 110
1.1. Fungsi 110
2. SUB MODUL PENYELENGARAAN 110
2.1. Selenggara Aset 110
2.2. Kelulusan Selenggaraan 123
2.3. Penyelenggaraan Berjadual 126
BAB E 131
A. PINDAHAN ASET 131
1. PENGENALAN 131

1.1. Fungsi Modul 131
2. SUB MODUL PINDAHAN ASET. 131
2.1. Aliran Kerja Pindahan Aset 131
2.2. Permohonan Pindahan 132
2.3. Kelulusan Pindahan 134
2.4. Terimaan Pindahan 137
2.5. Penolakan Pindahan 140
2.6. Laporan Pindahan 140
2.7. Senarai Aset Pindahan 142
B. MODUL PEMERIKSAAN 144
1. PENGENALAN 144
1.1. Fungsi Modul 144
1.2. Tempoh Pemeriksaan 144
1.3. Pegawai dan Pengguna Terlibat 144
2. SUB MODUL PEMERIKSAAN 144
2.1. Pemeriksaan Tahunan 145
2.2. Senarai Diperiksa 154
2.3 Senarai Penemuan Aset 155
2.4. Laporan Pemeriksaan 159
BAB F 160
A. MODUL PELUPUSAN 160
1. PENGENALAN 160
1.1. Fungsi Modul 160
1.2. Objektif 160
1.3. Justifikasi Pelupusan 160
2. SUB MODUL PELUPUSAN 160
2.1. Permohonan Pelupusan 161
2.2. Urusetia Pelupusan 166
2.3. Pemeriksaan Pelupusan 172
2.4. Perlaksanaan Pelupusan 175
2.5. Pengesahan Pelupusan 183
2.6. Senarai Aset Lupus 185
B. MODUL KEHILANGAN DAN HAPUSKIRA 187
1. PENGENALAN 187
1.1. Fungsi Modul 187
1.2. Tafsiran 187
1.3. Objektif 187
2. SUB MODUL KEHILANGAN DAN HAPUSKIRA 187
2.1. Daftar Kehilangan dan Hapuskira 187
2.2. Pengesahan Kehilangan 198
2.3. Senarai Hapuskira 200
BAB G 202
A. MODUL LAPORAN 202
1. PENGENALAN 202
1.1. Fungsi Modul 202
2. SUB MODUL LAPORAN 202
2.1. Kedudukan Aset Semasa 202
2.2. KEW.PA-5 (Senarai Daftar Harta Modal) 205
2.3. KEW.PA-6 (Senarai Daftar Aset Bernilai Rendah) 206
2.4. KEW.PA-12 (Laporan Pemeriksaan Aset) 207
2.5. KEW.PA-13 (Sijil Tahunan Pemeriksaan) 209
2.6. KEW.PA-16 (Laporan Penyelenggaraan Aset Alih) 210

2.7. KEW.PA-18 (Laporan Pindahan Aset) 211
2.8. KEW.PA-32 (Laporan Pelupusan Aset) 212
2.9. KEW.PA-37 (Laporan Hapus Kira Aset) 214
B. MODUL SUSUT NILAI 216
1. PENGENALAN 216
1.1. Fungsi Modul 216
2. SUB MODUL SUSUT NILAI 216
2.1. Penyata Susut Nilai 216
C. MODUL RUJUKAN KOD 217
1. PENGENALAN 217
1.1. Fungsi Modul 217
2. SUB MODUL RUJUKAN KOD 217
2.1. Klasifikasi Kod Aset 217
D. MODUL ADMIN INTEGRASI 222
1. PENGENALAN 222
1.1. Fungsi Modul 222
2. SUB MODUL ADMIN INTEGRASI 222
2.1. Senarai Data - Kewangan 222
2.2. Senarai Pembekal 223

SISTEM PENGURUSAN ASET

BAB A

PENGENALAN DAN PENTADBIRAN

BAB A
PENGENALAN & PENTADBIR SISTEM

A. PENGENALAN

1. APA ITU G-ASSET ?

G-ASSET PPP ialah Sistem Pengurusan Aset

Sistem G-ASSET meliputi semua aspek Pengurusan Aset Alih Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (PPP), Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dengan pengurusan aset alih.

Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) dibawah 1 Pekeliling Perbendaharaan (PPP) adalah bertujuan untuk menguruskan Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah yang meliputi Penerimaan, Pendaftaran, Kakitanganan, Penyimpanan dan Pemeriksaan Penyelenggaraan Pelupusan dan Kehilangan dan Hapus Kira.

1.1. Aliran Kerja Sistem G-ASSET



1.2. Paparan Utama G-ASSET



2. KETERANGAN MODUL DIDALAM SISTEM.

2.1. Modul Admin - Pentadbir Sistem

Modul Admin ialah satu modul yang berfungsi untuk mengawal keseluruhan sistem. Ia merangkumi kawalan kepada kakitangan sistem, modul dan sub modul yang boleh di akses oleh kakitangan yang dibenarkan, kawalan kod dan kawalan kepada semua perkara penting di dalam sistem.

2.2. Modul Rujukan Kod

Modul Rujukan Kod adalah digunakan bagi mendaftarkan dan mengemaskini kod-kod yang berkaitan pendaftaran aset, seperti Kod UNSPCSC (MOF)

2.3. Modul Pembekal

Modul pembekal adalah satu modul yang menyimpan semua maklumat pembekal. Khusus kepada pembekal yang terlibat dengan pembekalan aset.

2.4. Modul Penerimaan

Modul Penerimaan adalah bagi anggota mendaftarkan penerimaan aset yang diterima dari pihak pembekal ke dalam sistem
Sistem akan menjana dan membenarkan kakitangan untuk mencetak:

- KEW.PA-1 – Borang Penerimaan Aset Alih
- KEW.PA-2 – Borang Penolakan Aset Alih

2.5. Modul Daftar Aset

Modul Daftar Aset berfungsi untuk membenarkan kakitangan atau kakitangan yang dibenarkan mendaftar aset yang terdiri daripada Harta Modal dan Aset Alih Nilai Rendah .

2.6. Modul Pengesahan Daftar Aset

Modul Pengesahan Daftar Aset berfungsi untuk membenarkan kakitangan atau kakitangan yang dibenarkan menyemak daftar aset dan mengesahkan pendaftaran aset yang terdiri daripada Harta Modal dan Aset Alih Nilai Rendah. Sistem akan menjana dan membenarkan kakitangan untuk mencetak:

- KEW.PA-3 - Daftar Harta Modal
- KEW.PA-4 - Daftar Aset Alih Nilai Rendah

2.7. Modul Carian

Modul Carian adalah bertujuan bagi membenarkan kakitangan atau pegawai yang dibenarkan membuat carian aset. Sistem akan menjana dan membenarkan kakitangan untuk mencetak.

- KEW.PA-3 - Daftar Harta Modal
- KEW.PA-3B - Bahagian B: Daftar Harta Modal
- KEW.PA-4 - Daftar Aset Alih Nilai Rendah

2.8. Modul Penempatan

Semua kawalan dan rekod penempatan aset akan dikawal di dalam modul penempatan. Rekod-rekod yang melibatkan pemindahan lokasi atau pegawai bertanggungjawab akan direkodkan di dalam modul ini. Rekod ini melibatkan:

- KEW.PA-7 - Senarai Aset Alih di Lokasi
- KEW.PA-3 - Daftar Harta Modal - Bahagian Penempatan
- KEW.PA-4 - Daftar Aset Alih Nilai Rendah - Bahagian Penempatan

3. ALIRAN KERJA PENTADBIR



4. PERANAN KAKITANGAN SISTEM G-ASSET

4.1. Senarai Kakitangan Sistem G-ASSET

BIL	PEGAWAI/KAKITANGAN	PERANAN
1	Pegawai Atasan	• Memaparkan statistik pengurusan dan pentadbiran Pengurusan aset JKPAK • Memaparkan laporan pemantauan pengurusan Aset Alih secara keseluruhan
2	Pentadbir G-ASSET	• Memaparkan statistik pengurusan dan pentadbiran UPA. • Pengurusan Organisasi. • Mengurus maklumat kakitangan. • Pengurusan cawangan kepada organisasi dan lokasi penempatan. • Memaparkan dan membuat carian kod carta akauan, kod pembekal, kod peruntukan dan kod perbelanjaan. • Mengurus perlantikan Pegawai • Pengurusan Kumpulan kakitangan sistem G-ASSET. • Konfigurasi format nombor siri pendaftaran Aset Alih dan methodologi pengiraan susut nilai.
3	Pegawai Penerimaan	• Menguruskan Penerimaan Aset Alih. • Menguruskan Perselisihan Aset Alih sekiranya berlaku semasa Penerimaan Aset Alih.
4	Pegawai Teknikal	• Memapar senarai Aset Alih yang memerlukan Pemeriksaan Teknikal. • Mendaftar Penolakan Penerimaan Aset Alih. • Memapar dan mengemaskini Penolakan.
5	Pegawai Pendaftar	• Menguruskan Pendaftaran Aset Alih.
6	Pegawai Pengesah	• Mengemaskini dan Mengesahkan Aset Alih yang telah didaftarkan. • Membuat Cetakan KEW.PA-3, KEW.PA-4 dan Label.
7	Pegawai Penempatan	• Menguruskan Penempatan Aset Alih. • Membuat Cetakan KEW.PA-7 dan Label Aset Alih.
8	Pegawai Pergerakan	• Mengurus Pergerakan aset. • Mengurus pemulangan Pergerakan aset
9	Pegawai Pelulus Pergerakan	• Meluluskan atau menolak permohonan Pergerakan
10	Pegawai Pemeriksa	• Mengurus pemeriksaan tahunan aset.
11	Pegawai Penyelenggaraan	• Mengurus dan merekod senggaraan aset • Merekod permohonan senggaraan aset • Menyediakan laporan bulanan dan tahunan senggaraan aset
12	Pegawai Pindahan	• Menguruskan pindahan aset • Mengurus penerimaan aset

5. LOGIN SISTEM G-ASSET

5.1. log masuk G-ASSET

Langkah 1 Klik Browser
Langkah 2 masukkan alamat Laman Web Sistem Pengurusan Aset
Langkah 3 Paparan Sistem G-ASSET dipaparkan



Langkah 4 Klik LOG MASUK
Akses Sistem dipaparkan



Langkah 5 Masukkan kata nama di dan kata laluan di ruangan

Langkah 6 Klik butang
LOG MASUK berjaya.
LOG KELUAR DIPAPARKAN



Langkah 7 Klik IKON G-ASSET
ATAU
Klik PERKHIDMATAN
Senarai Modul Dipaparkan

Langkah 8 Klik G-ASSET
Dashboard G-ASSET dipaparkan

5.2. Dashboard G-ASSET



Pada paparan Dashboard sistem G-ASSET, terdapat maklumat sistem seperti berikut:

- Task Pengurusan Aset
- Buletin Semasa
- Senarai Modul didalam Sistem G-ASSET

5.3. Modul Sistem G-ASSET

Modul Sistem G-ASSET adalah butang-butang yang berfungsi untuk tugas Pengurusan Aset,

Modul	Penerangan Modul
Dashboard	Paparan utama sistem.
Penerimaan	Digunakan untuk mendaftarkan maklumat Penerimaan Aset
Daftar Aset	Digunakan untuk mendaftar aset alih dan komponen
Pengesahan Daftar Aset	Digunakan untuk mengesahkan aset alih yang telah didaftarkan
Carian	Digunakan untuk mencari aset yang telah didaftarkan
Penempatan	Digunakan untuk mendapatkan dan mengemaskini lokasi aset
Pergerakan Aset	Digunakan untuk merekodkan Pergerakan Aset Gunasama
Pindahan	Digunakan untuk mendaftarkan Pindahan Aset antara Jabatan, Bahagian dan lain-lain
Penyelenggaraan	Digunakan untuk merekodkan penyelenggaraan aset yang dijalankan
Pemeriksaan	Digunakan untuk merekodkan pemeriksaan yang telah dijalankan terhadap aset
Pelupusan	Digunakan untuk merekodkan Pelupusan Aset
Kehilangan dan Hapuskira	Digunakan untuk merekodkan Kehilangan Aset
Laporan	Untuk memaparkan Laporan Aset yang telah ditetapkan
Laporan Susut Nilai	Untuk memaparkan susut nilai aset yang telah didaftarkan
Rujukan Kod	Memaparkan senarai kod aset yang telah didaftarkan

SISTEM PENGURUSAN ASET

BAB B

MODUL PENERIMAAN, PENDAFTARAN DAN PENGESAHAN ASET

BAB B

PENERIMAAN, PENDAFTARAN DAN PENGESAHAN

A. MODUL PENERIMAAN

1. PENGENALAN

1.1. Fungsi Modul

Penerimaan Aset adalah langkah dimana maklumat penerimaan aset direkodkan ke dalam sistem mengikut ketetapan dan tatacara yang telah ditetapkan oleh Agensi/Jabatan

1.2. Tugasan Penerimaan

Tugas utama dibawah modul Penerimaan adalah :

- Merekodkan maklumat Perolehan Aset - LO, VOT, spesifikasi aset dan sebagainya
- Merekodkan Maklumat Penerimaan - DO, aset diterima, kondisi aset diterima dan sebagainya
- Merekodkan Pemeriksaan Penerimaan dan Peneriksaan Teknikal
- Merekodkan Penolakan, jika ada.

2. SUB MODUL PENERIMAAN

Sub Modul terdapat dibawah Penerimaan adalah :

- Daftar Penerimaan
- Senarai Penerimaan
- Senarai Penolakan
- Senarai Pemeriksaan Tenikal
- Laporan Penerimaan

3. ALIRAN KERJA PENERIMAAN



3.1. Daftar Penerimaan

Dibawah sub modul Daftar Penerimaan terdapat 2 tugasan yang perlu dijalankan , iaitu :

a. Daftar Maklumat Penerimaan
   Bertujuan untuk merekodkan maklumat penerimaan seperti LO, DO,VOT, Pembekal dan sebagainya;
b. Daftar Senarai Aset
   Merekodkan kategori dan jenis semua aset yang dihantar dan diterima

Daftar Penerimaan dilakukan oleh **Pegawai Penerimaan Aset**

3.1.1. Maklumat Penerimaan

Langkah-langkah bagi Maklumat Penerimaan

Langkah 1 Klik Modul Penerimaan. Senarai Sub Modul dipaparkan
Langkah 2 Klik Sub Modul Daftar Penerimaan
Borang Daftar Penerimaan dipaparkan.



Maklumat dengan tanda * adalah **WAJIB** di isi

Langkah 3 Kemaskini maklumat Butiran Penerimaan.

Perkara	Penerangan
No. Rujukan	No. Rujukan penerimaan *(auto-generate)*
Agensi	Sistem akan mengikut Agensi kakitangan yang mendaftarkan penerimaan *(auto)*
Jabatan	Sistem akan mengikut Jabatan kakitangan yang mendaftarkan penerimaan *(auto)*
Pusat Tanggung Jawab	PTJ yang bertanggungjawab berkaitan Perolehan aset
No Pesanan (L.O)	No Pesanan bagi perolehan aset yang diterima
Tarikh (L.O)	Tarikh bagi No Pesanan perolehan aset yang diterima
Butiran Penghantaran	Maklumat berkenaan pembelian aset
No. Penghantaran (D.O)	No bagi dokumen penghantaran aset
Tarikh (D.O)	Tarikh pada dokumen penghantaran aset
Kod Aktiviti	No Kod berkaitan Aktiviti perolehanAset
No Invois	No VOT bagi perolehan aset
No Rujukan Fail	No Rujukan bagi fail yang menyimpan rekod perolehan aset
Maklumat Pengangkutan	Maklumat kenderaan yang digunakan untuk menghantar aset
Perolehan Secara	Cara Perolehan Aset yang digunakan
Kod Perbelanjaan	No Kod Perbelanjaan bagi Perolehan Aset
Kaedah Perolehan	Kaedah yang digunakan bagi Perolehan aset
Pemeriksaan Teknikal	Tanda jika aset memerlukan Pemeriksaan Teknikal
Catatan	Maklumat tambahan berkaitan perolehan aset



Langkah 4 Kemaskini Maklumat Pembekal

Klik untuk membuat carian pembekal

Senarai Pembekal dipaparkan



`

Langkah 5 Klik pada nama pembekal.
Maklumat pembekal akan didaftarkan

Langkah 6 Klik untuk medaftarkan Syarikat baru kedalam sistem.
Daftar Syarikat dipaparkan



Maklumat dengan tanda * adalah **WAJIB** di isi

Langkah 7 Isikan maklumat syarikat dan klik DAFTAR
Maklumat syarikat berjaya didaftarkan



Langkah 8 Kemaskini maklumat Pegawai Penerima

Maklumat Pengguna dipilih secara automatik sebagai Pegawai Penerima

Klik untuk memilih Pegawai Penerima



PEMERIKSAAN TEKNIKAL perlu ditanda jika Aset diterima perlu menjalani Peneriksaan Teknikal

Langkah 9 Klik SIMPAN untuk mendaftarkan penerimaan
Atau Klik RESET untuk mengosongkan dan mengisi semula borang penerimaan
Klik SIMPAN
Sistem G-ASSET akan memaparkan popup memohon pengesahan

Langkah 10 Klik YA untuk mengesahkan Daftar Penerimaan dan klik TIDAK untuk membatalkan Daftar Penerimaan
Klik YA
Maklumat Penerimaan telah berjaya didaftarkan

3.1.2. Senarai Aset

Langkah-langkah bagi Senarai Aset

Langkah 1 Klik Modul Penerimaan
Senarai Sub Modul dipaparkan
Langkah 2 Klik Sub Modul Daftar Penerimaan
Borang Daftar Penerimaan dipaparkan
Pastikan paparan adalah pada Senarai Aset dengan adanya garisan diatas perkataan Senarai Aset



Keterangan ikon pada Senarai Aset

- untuk mendaftarkan aset yang diterima

- untuk memaparkan dan mencetak Borang Penerimaan Aset Alih

Langkah 3 klik TAMBAH ASET
Borang Daftar Aset dipaparkan



Maklumat dengan tanda * adalah **WAJIB** di isi

Langkah 4 Pilih Kategori aset dengan klik
Katalog Aset dipaparkan



Langkah 5 Tapisan aset boleh dijalankan mengikut KATEGORI, SUB-KATEGORI dan JENIS
Senarai Aset dipaparkan .

Langkah 6 Klik pada Jenis Aset yang dikehendaki
Aset berjaya dipilih



Langkah 7 Kemaskini Maklumat Aset diterima

- Maklumat dengan tanda * adalah **WAJIB** di isi
- Penolakan Penerimaan dan Penolakan Pemeriksaan Teknikal **PERLU direkodkan**

Langkah 8 Klik SIMPAN
Pengesahan Penerimaan aset dipaparkan
Klik YA
Aset berjaya didaftar penerimaan



Keterangan ikon
- Kemaskini Maklumat Aset
- Padam maklumat Aset

Ulang LANGKAH 3 hingga LANGKAH 10 bagi merekodkan penerimaan Aset lain

3.1.3. Dokumen Berkaitan

Langkah-langkah bagi Dokumen Berkaitan

Langkah 1 Klik tab Dokumen Berkaitan
Senarai dokumen dipaparkan



Langkah 2 Klik MUAT NAIK
Muat Naik Dokumen dipaparkan

Langkah 3 Klik UPLOAD untuk memilih dokumen yang hendak dimuat naik
Langkah 4 Masukkan keterangan berkaitan dokumen yang dimuat naik
Klik Batal untuk membatalkan muat naik dokumen
Langkah 5 Klik Mulakan Upload
Muat naik dokumen Berjaya

Ulang LANGKAH 2 hingga LANGKAH 5 bagi memuat naik dokumen lain

3.2. Senarai Penerimaan

Tugasan dibawah Sub modul Senarai Penerimaan adalah seperti berikut :

- Kemaskini Maklumat Integrasi Aset
- Kemaskini Maklumat Penerimaan Aset
- Padam Penerimaan Aset
- Sahkan Penerimaan Aset

Langkah - langkah Senarai Penerimaan

Langkah 1 Klik Modul Penerimaan
Senarai Sub Modul dipaparkan
Langkah 2 Klik Sub Modul Senarai Penerimaan
Senarai Penerimaan aset dipaparkan



Penerimaan Aset disenaraikan dengan Status dipaparkan.

Keterangan ikon

- Tapisan Penerimaan Aset
- Kemaskini Penerimaan Aset
- Padam Penerimaan Aset
- Sahkan Penerimaan Aset
- Maklumat Penerimaan Aset telah disahkan

3.2.1. Kemaskini Maklumat Penerimaan

Kemaskini Maklumat Penerimaan adalah dari Integrasi Data dari Sistem Kewangan ke Sistem G-ASSET

Kemaskini Maklumat Penerimaan adalah untuk menetapkan Bahagian Penerima Aset

3.2.2. Kemaskini Penerimaan Aset

Pada kemaskini Maklumat Penerimaan Aset terdapat :

- Kemaskini Penerimaan Aset
- Kemaskini Senarai Aset

a. Langkah - langkah Kemaskini Penerimaan Aset

Langkah 1 klik pada Penerimaan berstatus BELUM SELESAI, Maklumat Penerimaan dipaparkan



Langkah 2 Maklumat Penerimaan boleh dikemaskini.
(Rujuk perkara 3.1.1. Daftar Penerimaan)

Langkah 3 Klik KEMASKINI
Maklumat Penerimaan telah berjaya dikemaskini

Pengesahan Penerimaan Aset **DILAKUKAN APABILA** semua proses telah **SELESAI DIJALANKAN**, termasuk **PEMERIKSAAN TEKNIKAL**

b. Langkah - langkah Kemaskini Senarai Aset

Langkah 1 Pada Penerimaan berstatus DAFTAR PENERIMAAN / BELUM SELESAI, klik

Maklumat Penerimaan dipaparkan

Langkah 2 Klik pada tab SENARAI ASET

Senarai aset bagi penerimaan dipaparkan



Langkah 3 Klik TAMBAH ASET untuk mendaftarkan aset baru dibawah penerimaan tersebut (Rujuk perkara 3.1.2, Senarai Aset)

Keterangan ikon

- untuk mendaftarkan aset yang diterima

- untuk memaparkan dan mencetak Borang Penerimaan Aset Alih

- untuk memaparkan dan mencetak Borang Penolakan Aset Alih

- Kemaskini Maklumat Aset

- Padam maklumat Aset

Langkah 4 Klik

Kemaskini Aset Penerimaan dipaparkan



Maklumat Aset Penerimaan boleh dikemaskini

Langkah 5 Klik KEMASKINI bila kemaskini telah dijalankan

Pop-up Pengesahan dipaparkan

Langkah 6 Klik YA

Sistem G-ASSET akan mengesahkan Kemaskini Aset Penerimaan

Langkah 7 Klik OK

Maklumat Aset Penerimaan telah berjaya dikemaskini

c. Langkah - langkah Dokumen Berkaitan

Langkah 1 Pada Penerimaan berstatus DAFTAR PENERIMAAN / BELUM SELESAI, klik

Maklumat Penerimaan dipaparkan

Langkah 2 Klik pada tab DOKUMEN BERKAITAN

Senarai dokumen dipaparkan



Langkah 3 Klik MUAT NAIK
Muat Naik Dokumen dipaparkan

Langkah 4 Klik UPLOAD untuk memilih dokumen yang hendak dimuat naik
Langkah 5 Masukkan keterangan berkaitan dokumen yang dimuat naik
Klik Batal untuk membatalkan muat naik dokumen
Langkah 6 Klik Mulakan Upload
Muat naik dokumen Berjaya

Ulang LANGKAH 2 hingga LANGKAH 5 bagi memuat naik dokumen lain

3.2.3. Padam Penerimaan Aset

Langkah – langkah Padam Penerimaan Aset

Langkah 1 Pada Penerimaan berstatus BELUM SELESAI, klik
Pop up Pengesahan Padam Maklumat Penerimaan dipaparkan
Langkah 2 Klik YA untuk mengesahkan Padam Maklumat Penerimaan dan klik TIDAK untuk membatalkan Padam Maklumat Penerimaan
Langkah 3 Klik YA
Sistem akan Padam Maklumat Penerimaan
Langkah 4 Klik OK
Penerimaan berjaya dipadam

Jika pop-up dipaparkan,

SILA padam maklumat SENARAI ASET terlebih dahulu **sebelum PADAM Penerimaan Aset,**

Aset dibawah Senarai Aset perlu dipadam terlebih dahulu.

3.2.4. Sahkan Penerimaan Aset

Pengesahan Penerimaan Aset **DILAKUKAN APABILA** semua proses telah **SELESAI DIJALANKAN**, termasuk **PEMERIKSAAN TEKNIKAL (submodul Senarai Pemeriksaan)**

Langkah-langkah Sahkan Penerimaan Aset



Langkah 1 Pada Penerimaan berstatus BELUM SELESAI, klik
Pop up Pengesahan Maklumat Penerimaan dipaparkan

Langkah 2 Klik YA untuk mengesahkan Maklumat Penerimaan dan klik TIDAK untuk membatalkan pengesahan Maklumat Penerimaan

Langkah 3 Klik YA
Maklumat Penerimaan akan disahkan

Penerimaan boleh juga disahkan melalui Kemaskini Penerimaan Aset



Langkah 4 Klik
Kemaskini Aset Penerimaan dipaparkan



Langkah 5 Klik SAHKAN PENERIMAAN
Pop up Pengesahan Maklumat Penerimaan dipaparkan

Langkah 6 Klik YA untuk mengesahkan Maklumat Penerimaan dan klik TIDAK untuk membatalkan pengesahan Maklumat Penerimaan

Langkah 7 Klik YA
Maklumat Penerimaan akan disahkan

3.3. Senarai Penolakan

Terdapat 2 jenis Penolakan iaitu:

- Penolakan Penerimaan
- Penolakan Pemeriksaan Teknikal

Tugasan dibawah Sub modul Senarai Penolakan adalah seperti berikut :

- Semakan Maklumat Penerimaan
- Semakan dan Cetakan Pemeriksaan Teknikal
- Cetakan KEW.PA-2 - BORANG PENOLAKAN ASET ALIH

Langkah-langkah Senarai Penolakan

Langkah 1 Klik Modul Penerimaan
Senarai Sub Modul dipaparkan

Langkah 2 Klik Sub Modul Senarai Penolakan
Senarai Penolakan aset dipaparkan



Langkah 3 Klik
Tapisan Penolakan dipaparkan

3.3.1. Senarai Penolakan : Belum Selesai

a. Semakan Maklumat Penerimaan

Langkah-langkah Semakan Maklumat Penerimaan

Langkah 1 Pada Senarai Penolakan, klik
Maklumat Penerimaan dipaparkan



Maklumat Penerimaan ini hanya untuk **SEMAKAN SAHAJA**.

b. Semakan Senarai Aset

Langkah-langkah Semakan Senarai Aset

Langkah 1 Pada Senarai Penolakan , klik
Maklumat Penerimaan dipaparkan
Langkah 2 Klik pada SENARAI ASET
Maklumat Aset ditolak dipaparkan



Langkah 3 Klik
Maklumat Penerimaan akan dipaparkan

Maklumat Penerimaan ini hanya untuk **SEMAKAN SAHAJA**.
Senarai Penolakan **diselesaikan di Sub Modul Senarai Pemeriksaan Teknikal**

3.3.2. Senarai Penolakan : Telah Selesai

a. Semakan Maklumat Penerimaan

Langkah-langkah Semakan Maklumat Penerimaan

Langkah 1 Pada Senarai Penolakan, klik
Maklumat Penerimaan dipaparkan



Maklumat Penerimaan ini hanya untuk **SEMAKAN SAHAJA**.

b. Semakan Senarai Aset

Langkah-langkah Semakan Senarai Aset

Langkah 1 Pada Senarai Penolakan , klik
Maklumat Penerimaan dipaparkan
Langkah 2 Klik pada SENARAI ASET
Maklumat Aset ditolak dipaparkan



Langkah 3 Klik ⓘ

Maklumat Penerimaan akan dipaparkan

Maklumat Penerimaan ini hanya untuk **SEMAKAN SAHAJA**.

Langkah 4 Klik KEW.PA-2

BORANG PENOLAKAN ASET ALIH KEW.PA-2 dipaparkan



Langkah 5 Klik 🖶 untuk membuat cetakan borang KEW.PA-2

Klik 💾 untuk muat-turun borang KEW.PA-2

c. Penolakan Pemeriksaan Teknikal



Keterangan ikon

- Maklumat Pemeriksaan Teknikal
- Cetak Pemeriksaan Teknikal

Langkah 6 Klik

Maklumat Pemeriksaan Teknikal akan dipaparkan

> Maklumat Pemeriksaan Teknikal hanya untuk **SEMAKAN SAHAJA**. Sebarang kemaskini **TIDAK DIBENARKAN**

Langkah 7 Klik

Cetak Pemeriksaan Teknikal dipaparkan



Langkah 8 Klik untuk membuat cetakan PEMERIKSAAN TEKNIKAL

Klik untuk muat-turun PEMERIKSAAN TEKNIKAL

Langkah 9 Klik KEW.PA-2

BORANG PENOLAKAN ASET ALIH KEW.PA-2 dipaparkan



Langkah 10 Klik untuk membuat cetakan borang KEW.PA-2

Klik untuk muat-turun borang KEW.PA-2

3.4. Senarai Pemeriksaan Teknikal

Langkah-langkah Senarai Pemeriksaan Teknikal

Langkah 1 Klik Modul Penerimaan
Senarai Sub Modul dipaparkan

Langkah 2 Klik Sub Modul Senarai Pemeriksaan
Senarai Pemeriksaan dipaparkan



Langkah 3 klik
Maklumat Pemeriksaan dipaparkan



Keterangan ikon

- Maklumat Aset
- Maklumat Pemeriksaan Teknikal

Langkah 4 Klik

Maklumat Aset penerimaan akan dipaparkan

Maklumat Aset Penerimaan boleh disemak

Langkah 5 Klik

Pemeriksaan Teknikal akan dipaparkan



Langkah 6 Kemaskini Maklumat Pemeriksaan Teknikal aset

- Kemaskini Maklumat Aset
- Kemaskini Maklumat pegawai Teknikal

Langkah 7 Klik SIMPAN

Langkah 8 Klik YA untuk mengesahkan Pemeriksaan Teknikal dan klik TIDAK untuk membatalkan Pemeriksaan Teknikal

Langkah 9 Klik YA

Sistem G-ASSET akan mengesahkan Pemeriksaan Teknikal

Pengesahan dipaparkan

Langkah 10 Klik OK

Pemeriksaan Teknikal akan disimpan dan status penerimaan menjadi DIPERIKSA



Ulang LANGKAH 5 hingga LANGKAH 10 sehingga semua aset berstatus **DIPERIKSA**

Paparan apabila semua aset telah diperiksa



Keterangan ikon

Selesai - Pengesahan Pemeriksaan Teknikal telah selesai

KEW.PA-1 - Borang Penerimaan Aset Alih

KEW.PA-2 - Borang Penolakan Aset Alih

Langkah 11 Klik SELESAI

Langkah 12 Klik YA untuk mengesahkan Pemeriksaan Teknikal dan klik TIDAK untuk membatalkan Pemeriksaan Teknikal

Langkah 13 Klik YA

Langkah 14 Klik OK

Pemeriksaan Teknikal akan disimpan dan status penerimaan menjadi DIPERIKSA

Pastikan **SEMUA ASET TELAH DIPERIKSA** sebelum **SELESAI** diklik



Pemeriksaan teknikal telah selesai dan Penerimaan dipindahkan ke TELAH DIPERIKSA

Langkah 15 Klik ⓘ

Paparan Maklumat Pemeriksaan dipaparkan

Keterangan ikon

- Maklumat Penerimaan Aset
- Maklumat Peneriksaan Teknikal
- Borang Peneriksaan Teknikal

Langkah 16 Cetakan KEW.PA-1 dan KEW.PA-2 boleh dijalankan

3.5. Laporan Penerimaan

Langkah-langkah Laporan Penerimaan

Langkah 1 Klik Modul Penerimaan
Senarai Sub Modul dipaparkan

Langkah 2 Klik Sub Modul Laporan Penerimaan
Laporan Penerimaan dipaparkan



Langkah 3 CARIAN PANTAS boleh dilakukan dengan mengisikan maklumat Penerimaan seperti No Penghantaran (No. D.O) atau Nama Pembekal

Langkah 4 Klik untuk membuat Tapisan Carian
Tapisan carian boleh dijalankan
Senarai laporan Penerimaan akan dipaparkan berdasarkan carian

Keterangan ikon

- Paparan KEW.PA-1
- Paparan KEW.PA-2

Langkah 5 Klik
KEW.PA-1 dipaparkan



Langkah 6 Klik untuk membuat cetakan KEW.PA-1

Langkah 7 Klik untuk *download* KEW.PA-1

Langkah 8 Klik

KEW.PA-2 dipaparkan



Langkah 9 Klik untuk membuat cetakan KEW.PA-2

Langkah 10 Klik untuk *download* KEW.PA-2

B. MODUL DAFTAR ASET

1. MODUL DAFTAR ASET

1.1. Pengenalan

Pendaftaran Aset adalah langkah dimana maklumat berkaitan aset direkodkan ke dalam sistem mengikut ketetapan dan tatacara yang telah ditetapkan.

1.1.1. Definasi

Aset ialah sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti. Aset kerajaan boleh dibahagi kepada aset semasa dan aset bukan semasa.

Aset semasa adalah aset yang boleh ditukar kepada tunai dalam tempoh jangka pendek manakala aset bukan semasa adalah aset yang hanya boleh ditukar kepada tunai selepas satu tahun. Aset diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu Aset Ketara dan Aset Tak Ketara.

1.1.2. Aset Ketara

Aset ketara adalah aset yang mempunyai kewujudan fizikal yang boleh disentuh atau dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, untuk disewakan kepada pihak lain, atau untuk kegunaan urusan pentadbiran dan dijangka akan digunakan bagi jangkamasa yang melebihi daripada satu tempoh pelaporan. Contoh infrastruktur, hartanah, loji dan peralatan.

1.1.3. Aset Tak Ketara

Aset Tak Ketara ialah aset bukan kewangan yang dapat dikenalpasti tanpa kewujudan secara fizikal. Contoh Aset Tak Ketara dalam sektor awam ialah seperti perisian komputer, paten, hak cipta dan kuota import diperolehi.

1.1.4. Aset Alih

Aset Alih bermaksud aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk aset yang dibekalkan bersekali dengan penyediaan bangunan atau infrastruktur lain.

ASET ALIH terbahagi kepada dua (2) kumpulan iaitu:-

- **HARTA MODAL** (Aset Alih Dipermodalkan)

  Aset Alih yang harga perolehan asalnya RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) atau lebih setiap satu unit.

- **ASET ALIH BERNILAI RENDAH** (Aset Alih Tidak Dipermodalkan)

  Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) setiap unit.

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan KP 2.1/2013.

1.2. Sub Modul Daftar Aset

- Senarai Daftar Aset
- Kemaskini Daftar Aset
- Daftar Aset Lama
- Daftar Aksesori
- Rekod Daftar

2. ALIRAN KERJA DAFTAR ASET



2.1. Tugas-tugas UTAMA semasa mendaftar aset:

- Dapatkan maklumat perolehan aset. (pesanan kerajaan, inbois dan nota penghantaran)
- Buat pengkelasan kepada aset yang diterima mengikut kategori, sub kategori dan jenis aset.
- Pastikan aset itu daripada kumpulan aset Harta Modal atau Aset Alih Bernilai Rendah.
- Daftar Aset dan komponen.
- Cetak KEW.PA-3 atau KEW.PA-4 dan label aset
- Cetak KEW.PA-7.

2.2. Senarai Daftar Aset

Senarai Daftar Aset digunakan untuk memaparkan senarai aset dan mengemaskini maklumat aset yang telah **Selesai Modul Penerimaan Aset.**

> Aset yang didaftarkan melalui **MODUL PENERIMAAN DAN DI INTEGRASIKAN dari Sisitem Kewangan** sahaja akan dipaparkan

Langkah-langkah bagi sub modul Senarai Daftar Aset

Langkah 1 Klik Modul Daftar Aset
Senarai sub modul dipaparkan

Langkah 2 Klik Sub modul Senarai Daftar Aset.
Senarai Daftar Aset dipaparkan



Langkah 3 Klik
Senarai Aset dipaparkan.



Langkah 4 Klik .
Maklumat Aset dipaparkan



Langkah 5 Kemaskini Maklumat Aset



a. Masukkan bilangan HENDAK DAFTAR

b. Klik TANDAKAN JIKA PENEMPATAN ASET ADALAH SAMA, jika perlu Bila TANDAKAN JIKA PENEMPATAN ASET ADALAH SAMA ditanda, maklumat Penempatan akan dipaparkan dibawah borang Daftar Aset

Langkah 6 Kemaskini Maklumat Penerimaan.

- Maklumat Asas
- Maklumat Aset

Langkah 7 Masukkan maklumat Pegawai dan Maklumat Penempatan



a. Maklumat Pegawai
   1. Klik pada Pegawai Bertanggungjawab
   2. Carian Pegawai Bertanggungjawab dipaparkan
   3. Carian Pegawai boleh dilakukan dengan memasukkan nama dan Klik
   4. Klik pada nama Pegawai yang berkaitan
   5. Pegawai Bertanggungjawab dipilh.
   6. Jawatan akan dimasukkan secara automatk
   7. Pilih Tarikh perlantikan Pegawai Bertanggungjawab

b. Penempatan
   1. Klik pada Pegawai
   2. Carian Pegawai dipaparkan
   3. Carian Pegawai boleh dilakukan dengan memasukkan nama dan Klik
   4. Klik pada nama Pegawai yang berkaitan
   5. Pegawai Penempatan dipilh.
   6. Jawatan akan dimasukkan secara automatk
   7. Klik pada LOKASI
   8. Carian Lokasi dipaparkan
   9. Carian Lokasi boleh dilakukan dengan memasukkan nama lokasi dan Klik
   10. Klik pada Lokasi yang berkaitan
   11. Lokasi Penempatan dipilh.
   12. Pilih Tarikh Penempatan aset dibuat



Langkah 8 Klik SIMPAN, apabila semua maklumat telah lengkap dan dikemaskini.
Klik RESET untuk memadamkan dan mengisi semula maklumat
Pengesahan simpan akan dipaparkan

Langkah 9 Klik YA
Maklumat daftar aset telah didaftarkan
Status Aset menjadi TELAH DIDAFTARKAN



Ulang **LANGKAH 4 hingga LANGKAH 8** bagi aset berstatus BELUM DIDAFTARKAN

2.3. Kemaskini Daftar Aset

Kemaskini Daftar Aset bertujuan untuk mengemaskini atau pembetulan maklumat aset yang telah didaftarkan

Langkah-langkah bagi Kemaskini Daftar Aset

Langkah 1 Klik Modul Daftar Aset.
Senarai Sub Modul dipaparkan
Langkah 2 Klik Submodul Kemaskini Daftar Aset
Kemaskini Daftar Aset dipaparkan



Langkah 3 Buat pilihan antara HARTA MODAL atau ASET BERNILAI RENDAH
Langkah 4 Klik ☑
Aset akan dipilih
Langkah 5 Klik PADAM
Daftar Aset akan DIHAPUSKAN dari senarai Daftar Aset



Langkah 6 Klik ⓘ
Maklumat Aset dipaparkan

2.3.1. Maklumat Aset



Maklumat Aset boleh dikemaskini

Rujuk **Langkah 5 hingga Langkah 7** pada sub modul **Senarai Daftar Aset** bagi mengemaskini Maklumat Aset



Langkah 7 Klik KEMASKINI
Maklumat Aset telah dikemaskini.

2.3.2. Senarai Aksesori

Bertujuan untuk mengemaskini atau mendaftar maklumat bagi Aksesori Harta Modal

Langkah-langkah bagi Senarai Aksesori

Langkah 1 Klik Senarai Aksesori
Senarai Aksesori Harta Modal dipaparkan



Langkah 2 Klik DAFTAR
Daftar Aksesori dipaparkan



Langkah 3 Masukkan maklumat Aksesori

Langkah 4 Klik SIMPAN
Maklumat Aksesori akan didaftarkan di dalam Katalog
Pop up Pengesahan dipaparkan

Langkah 5 Klik YA untuk mengesahkan Daftar Aksesori dan klik TIDAK untuk membatalkan Daftar Aksesori

Langkah 6 Klik YA
Sistem akan mengesahkan Pendaftaran Aksesori
Daftar Aksesori berjaya

Ulang **Langkah 2 hingga Langkah 6** jika Aset mempunyai 2 atau lebih aksesori

2.3.3. Dokumen Berkaitan

Langkah-langkah bagi Dokumen Berkaitan

Langkah 1 Klik tab Dokumen Berkaitan
Senarai dokumen dipaparkan



Langkah 2 Klik MUAT NAIK
Muat Naik Dokumen dipaparkan



Langkah 3	Klik UPLOAD untuk memilih dokumen yang hendak dimuat naik
Langkah 4	Masukkan keterangan berkaitan dokumen yang dimuat naik
	Klik Batal untuk membatalkan muat naik dokumen
Langkah 5	Klik Mulakan Upload
	Muat naik dokumen Berjaya

Ulang LANGKAH 2 hingga LANGKAH 5 bagi memuat naik dokumen lain

2.4. Daftar Aset Lama

Daftar Aset Lama adalah bagi mendaftarkan aset Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah, yang tidak didaftarkan melalui **Modul Penerimaan Aset**

Langkah-langkah bagi Pendaftaran Aset adalah seperti berikut:

Langkah 1	Klik Modul Daftar Aset.
	Senarai Sub Modul dipaparkan
Langkah 2	Klik sub modul Daftar Aset .
	Borang Pendaftaran Aset Dipaparkan



1. Ruangan dengan * wajib diisi
2. Sistem akan memberi alert kepada pengguna sekiranya terdapat rekod wajib yang tidak didaftarkan.

Langkah 3 Masukkan maklumat yang dikehendaki seperti jadual berikut.

A. Kuantiti Pendaftaran		
No	Ruang Yang Perlu Diisi.	Penerangan
1	Hendak Didaftarkan	Bilangan Aset yang hendak didaftarkan
2	Tanda jika Penempatan aset adalah sama	Ruangan yang perlu ditanda JIKA aset yang hendak didaftarkan mempunya Lokasi Penempatan yang sama

B. Maklumat Asas		
No	Ruang Yang Perlu Diisi.	Penerangan
1	Agensi	Sistem akan mentapkan Agensi bagi pendaftaran Aset
2	Jabatan	Jabatan yang membuat Perolehan Aset Klik untuk membuat carian dan memilih Jabatan yang berkenaan
3	Kategori	Pilih Kategori aset yang hendak didaftarkan Klik untuk membuat carian dan memilih Kategori aset yang berkenaan
4	Sub-Kategori	Pilih Sub-Kategori aset yang hendak didaftarkan Klik untuk membuat carian dan memilih Sub-Kategori aset yang berkenaan
5	Jenis Aset	Pilih Jenis aset yang hendak didaftarkan Klik untuk membuat carian dan memilih Jenis aset yang berkenaan
6	Kod Akaun Aset	Masukkan Kod Akaun Aset bagi Perolehan Aset
	Kod Akaun Susutnilai	Masukkan Kod Akaun Susutnilai Aset mengikut ketetapan Agensi
7	Kelas Aset	Pilih Kelas Aset – Harta Modal ATAU Aset Bernilai Rendah
8	Perolehan Secara	Pilih jenis Perolehan dari senarai
9	Kaedah Perolehan	Pilih Kaedah Perolehan dari senarai yang diberikan
10	Kod Perbelanjaan	Pilih Kod Perbelanjaan bagi Perolehan Aset
11	No Siri Pendaftaran	No Siri Pedaftaran bagi aset yang hendak didaftarkan. Akan dijana oleh sistem secara automatik
12	Tanda Jika penyeleggaraan secara berjadual	Tanda ruang bagi membolehkan aset didaftarkan untuk penyelenggaraan berjadual

C. Maklumat Aset		
No	Medan Data	Penerangan
1	Kod Dana	Masukkan Kod Dana bagi Perolehan Aset
2	Pembekal	Pilih ATAU DAFTAR nama syarikat pembekal aset • Klik untuk membuat carian dan memilih pembekal • Klik untuk mendaftarkan syarikat pembekal yang baru
3	No Pesanan Kerajaan	Masukkan No Pesanan Kerajaan bagi Perolehan Aset

C. Maklumat Aset		
No	Medan Data	Penerangan
4	Tarikh Pesanan Kerajaan	Masukkan Tarikh Pesanan Kerajaan . Klik bagi memilih tarikh.
5	No Penerimaan	Masukkan No Penerimaan Aset / No D.O
6	Tarikh Penerimaan	Tarikh penerimaan barangan daripada pembekal. Klik bagi memilih tarikh. Merujuk kepada tarikh DO - Nota Serahan
7	Harga Perolehan	Taipkan Kos bagi setiap barangan yang didaftarkan. (sila taipkan nombor sahaja) Kos Seunit
8	Buatan	Negara Pembuat. Contoh: MALAYSIA
9	Jenama dan Model	Masukkan Jenama dan Model Aset
10	Jenis dan No Enjin	Contoh Jenis Enjin: Petrol / Diesel / NGV Contoh No. Enjin: SCV123DC
11	No Pendaftaran (bagi Kenderaan)	Taipkan No pendaftaran JPJ.
12	No Casis/Siri Pembuat	Taipkan No Casis bagi Kenderaan atau No Siri Pembuat bagi Aset lain.
13	Tempoh Jaminan	Masukkan jumlah tahun bagi jaminan aset tersebut
14	No Rujukan Fail	Taipkan No. rujukan fail pembelian.
15	No Invois	Masukkan No Invois bagi Perolehan Aset
16	Kod Aktiviti	Pilih Kod Aktiviti nagi Perolehan Aset
17	Spesifikasi	Masukkan spesifikasi aset tersebut berdasarkan Nota Serahan/ D.O
18	Method Susut Nilai	Pilih kaedah Susut Nilai bagi aset sama ada mengiku Tahun Penggunaa, Peratusan Susut Nilai ATAU Jumlah Susut Nilai
19	Tahun	Masukan bilangan Tahun bagi Susutnilai
20	Nilai Sisa	Nilai sisa bagi aset

. Maklumat Pegawai		
No	Medan Data	Penerangan
1	Pegawai Bertanggungjawab	Pilih nama pegawai bertanggungjawab dengan klik Jawatan akan dimasukkan secara automatik, mengikut pegawai yang dipilih
2	Tarikh	Pilih Tarikh dengan klik

A. Maklumat Penempatan		
No	Medan Data	Penerangan
1	Pegawai Penempatan	Pilih nama pegawai bertanggungjawab menjaga aset yang didaftarkan
2	Lokasi	Pilih Lokasi Penempatan
3	Tarikh	Pilih Tarikh dengan klik

Maklumat Aset telah selesai dikemaskini



Langkah 4 Klik SIMPAN, apabila semua maklumat telah lengkap dan dikemaskini.
Klik RESET untuk memadamkan dan mengisi semula maklumat
Pengesahan simpan akan dipaparkan

Langkah 5 Klik YA
Maklumat Penerimaan telah didaftarkan
Aset telah berjaya didaftarkan

Langkah seterusnya pada sub modul **Kemaskini Daftar Aset**

2.5. Daftar Aksesori

Daftar Aksesori adalah bagi mendaftarkan aksesori bagi aset Harta Modal dan Aset Bernilai.

Langkah-langkah bagi Pendaftaran Aksesori adalah seperti berikut:

Langkah 1 Klik Modul Daftar Aset.
Senarai Sub Modul dipaparkan
Langkah 2 Klik sub modul Daftar Aksesori .
Daftar Aksesori Dipaparkan



Pengguna perlu mencari Aset yang hendak ditambah aksesori kepadanya
Masukkan maklumat :

- No. Siri Pendaftaran
- Status Aset
- Kelas Aset

Langkah 3 Klik CARIAN
Hasil carian akan dipaparkan



Langkah 4 Klik
Senarai Aksesori dipaparkan



Langkah 5 Klik DAFTAR
Daftar Aksesori dipaparkan



Daftarkan maklumat Aksesori:

Langkah 6 Klik SIMPAN

Maklumat Aksesori berjaya didaftarkan

Ulang **LANGKAH 5 – LANGKAH 6** bagi mendaftarkan Aksesori lain

2.6. Rekod Daftar

Rekod Daftar digunakan untuk memaparkan senarai Aset Penerimaan yang telah didaftarkan dengan tujuan memeriksa dan mengemaskini pendaftaran aset.

Langkah-langkah bagi Rekod Daftar

Langkah 1 Klik Modul Daftar Aset.

Senarai Sub Modul dipaparkan

Langkah 2 Klik Submodul Senarai Direkod.

Senarai Direkod dipaparkan

Langkah 3 Pilih antara HARTA MODAL atau ASET BERNILAI RENDAH

Carian aset boleh dilakukan

Langkah 4 Klik DAFTAR ASET

Daftar Aset akan dipaparkan

Aset baru boleh didaftarkan

Rujuk **perkara 1.6, submodul Daftar Aset** untuk mendaftarkan Aset Baru

Langkah 5 Klik

Maklumat Aset akan dipaparkan.

Maklumat aset boleh dikemaskini.

Rujuk sub modul **Kemaskini Daftar Aset perkara 1.5.1 hingga 1.5.3** bagi mengemaskini Maklumat Aset



Langkah 6 Klik KEMASKINI

Maklumat Aset berjaya dikemaskini

C. MODUL PENGESAHAN

1. PENGENALAN

Modul Pengesahan Daftar Aset adalah modul untuk menjalankan pengesahan bagi aset yang telah didaftarkan. Modul Pengesahan Daftar Aset terbahagi kepada :

- Pengesahan Kewangan
- Pengesahan Daftar Aset

> Modul Pengesahan Daftar Aset hanya untuk pengguna yang mempunyai capaian **Pegawai Pengesah** sahaja.

2. PENGESAHAN KEWANGAN

Tujuan submodul Pengesahan Kewangan adalah untuk Pegawai Kewangan mengesahkan Pendaftaran Aset, baerdasarkan Rekod Perolehan yang dimiliki

Submodul ini terbahagi kepada 2 iaitu:

- Harta Modal
- Aset Bernilai

2.1. Menunggu Pengesahan (Harta Modal)

Langkah-langkah bagi Pengesahan Kewangan Harta Modal

Langkah 1 Klik Modul Pengesahan Kewangan
Sub modul dipaparkan

Langkah 2 Klik Submodul Menunggu Pengesahan
Menunggu Pengesahan akan dipaparkan.



Menunggu Pengesahan memaparkan senarai aset Harta Modal

Langkah 3 Klik ⓘ
Kemaskini Aset dipaparkan.



Maklumat Aset boleh dikemaskini

Langkah 4 Klik KEMASKINI untuk mengemaskini maklumat aset.
Pengesahan kemaskini dipaparkan
Klik YA
Maklumat Harta Modal telah dikemaskini

2.1.1. Senarai Aksesori

Bertujuan untuk mengemaskini atau mendaftar maklumat bagi Aksesori Harta Modal

Langkah-langkah bagi Senarai Aksesori

Langkah 1 Klik Senarai Aksesori
Senarai Aksesori Harta Modal dipaparkan



Langkah 2 Klik DAFTAR
Daftar Aksesori dipaparkan



Langkah 3 Masukkan maklumat Aksesori
Langkah 4 Klik SIMPAN
Maklumat Aksesori akan didaftarkan di dalam Katalog
Pop up Pengesahan dipaparkan
Langkah 5 Klik YA untuk mengesahkan Daftar Aksesori dan klik TIDAK untuk membatalkan Daftar Aksesori
Langkah 6 Klik YA
Sistem akan mengesahkan Pendaftaran Aksesori
Daftar Aksesori berjaya

Ulang **Langkah 2 hingga Langkah 6** jika Aset mempunyai 2 atau lebih aksesori

2.1.2. Dokumen Berkaitan

Langkah-langkah bagi Dokumen Berkaitan

Langkah 1 Klik tab Dokumen Berkaitan
Senarai dokumen dipaparkan



Langkah 2 Klik MUAT NAIK
Muat Naik Dokumen dipaparkan



Langkah 3 Klik UPLOAD untuk memilih dokumen yang hendak dimuat naik
Langkah 4 Masukkan keterangan berkaitan dokumen yang dimuat naik
Klik Batal untuk membatalkan muat naik dokumen
Langkah 5 Klik Mulakan Upload
Muat naik dokumen Berjaya

Ulang LANGKAH 2 hingga LANGKAH 5 bagi memuat naik dokumen lain

2.1.3. Pengesahan Harta Modal

Bertujuan untuk Mengesahkan Pengesahan Kewangan Harta Modal

Langkah-langkah bagi Pengesahan Kewangan Harta Modal

Langkah 1 Klik Modul Pengesahan Kewangan
Sub modul dipaparkan
Langkah 2 Klik Submodul Menunggu Pengesahan
Menunggu Pengesahan akan dipaparkan.



Menunggu Pengesahan memaparkan senarai aset Harta Modal

Langkah 3 Tandakan ☑ bagi memilih aset yang hendak disahkan
Langkah 4 Klik SAHKAN
Pengesahan Kewangan Harta Modal Harta Modal dipaparkan
Langkah 5 Klik YA untuk mengesahkan Daftar Harta Modal dan klik TIDAK untuk membatalkan pengesahan

2.2. Menunggu Pengesahan (Aset Bernilai Rendah)

Bagi mengemaskini maklumat dan Pengesahan Kewangan Aset Bernilai Rendah

Proses bagi sub modul Pengesahan Kewangan Aset Bernilai Rendah adalah SAMA dengan langkah-langkah Menunggu Pengesahan Aset Harta Modal

Ulang Langkah Pengesahan Kewangan **Harta Modal**

3. ALIRAN KERJA PENGESAHAN DAFTAR ASET



4. PENGESAHAN DAFTAR ASET

4.1. Menunggu Pengesahan

Tujuan submodul Menunggu Pengesahan adalah untuk mengesahkan Pendaftaran Aset. Submodul ini terbahagi kepada 2 iaitu:

- Harta Modal
- Aset Bernilai

4.2. Menunggu Pengesahan (Harta Modal)

Langkah-langkah bagi Pengesahan Harta Modal

Langkah 1 Klik Modul Pengesahan Daftar Aset
Sub modul dipaparkan

Langkah 2 Klik Submodul Menunggu Pengesahan

Menunggu Pengesahan akan dipaparkan.



Menunggu Pengesahan memaparkan senarai aset Harta Modal

Keterangan ikon

- Kemaskini Maklumat Aset
- Padam maklumat Aset

Langkah 3 Klik

Kemaskini Aset dipaparkan.

4.2.1. Maklumat Aset



Maklumat Aset boleh dikemaskini

Langkah 4 Klik KEMASKINI untuk mengemaskini maklumat aset.

Pengesahan kemaskini dipaparkan

Klik YA

Maklumat Harta Modal telah dikemaskini

4.2.2. Senarai Aksesori

Bertujuan untuk mengemaskini atau mendaftar maklumat bagi Aksesori Harta Modal

Langkah-langkah bagi Senarai Aksesori

Langkah 1 Klik Senarai Aksesori
Senarai Aksesori Harta Modal dipaparkan



Langkah 2 Klik DAFTAR
Daftar Aksesori dipaparkan



Langkah 3 Masukkan maklumat Aksesori
Langkah 4 Klik SIMPAN
Maklumat Aksesori akan didaftarkan di dalam Katalog
Pop up Pengesahan dipaparkan
Langkah 5 Klik YA untuk mengesahkan Daftar Aksesori dan klik TIDAK untuk membatalkan Daftar Aksesori
Langkah 6 Klik YA
Sistem akan mengesahkan Pendaftaran Aksesori
Daftar Aksesori berjaya

Ulang **Langkah 2 hingga Langkah 6** jika Aset mempunyai 2 atau lebih aksesori

4.2.3. Dokumen Berkaitan

Langkah-langkah bagi Dokumen Berkaitan

Langkah 1 Klik tab Dokumen Berkaitan
Senarai dokumen dipaparkan



Langkah 2 Klik MUAT NAIK
Muat Naik Dokumen dipaparkan



Langkah 3 Klik UPLOAD untuk memilih dokumen yang hendak dimuat naik
Langkah 4 Masukkan keterangan berkaitan dokumen yang dimuat naik
Klik Batal untuk membatalkan muat naik dokumen
Langkah 5 Klik Mulakan Upload
Muat naik dokumen Berjaya

Ulang LANGKAH 2 hingga LANGKAH 5 bagi memuat naik dokumen lain

4.2.4. Dokumen Penerimaan

Dokumen Penerimaan adalah dokumen yang dimuat naik semasa proses penerimaan aset

Langkah-langkah bagi Dokumen Penerimaan

Langkah 1 Klik tab Dokumen Penerimaan
Senarai Dokumen Penerimaan dipaparkan



`

Langkah 2 Dokumen Penerimaan adalah untuk semakan pengguna
Keterangan ikon
- Muat turun Dokumen
- Paparan Dokumen

4.2.5. Pengesahan Harta Modal

Bertujuan untuk Mengesahkan Pendaftaran Aset Harta Modal

Langkah-langkah bagi Pengesahan Harta Modal

Langkah 1 Klik Maklumat Aset
Maklumat Aset dipaparkan



Langkah 2 Klik SAHKAN .
Pengesahan Daftar Harta Modal dipaparkan

Langkah 3 Klik YA untuk mengesahkan Daftar Harta Modal dan klik TIDAK untuk membatalkan pengesahan

Langkah 4 Klik YA
Sistem G-ASSET akan mengesahkan Daftar Harta Modal
Pengesahan dipaparkan
Klik OK
Harta Modal Berjaya didaftarkan

4.2.6. Pengesahan Harta Modal – Pukal

Bertujuan untuk Mengesahkan Pendaftaran Aset Harta Modal secara pukal/banyak

Langkah-langkah bagi Pengesahan Harta Modal -Pukal

Langkah 1 Klik Modul Pengesahan Daftar Aset
Sub modul dipaparkan
Langkah 2 Klik Submodul Menunggu Pengesahan
Menunggu Pengesahan akan dipaparkan.



Langkah 3 Pilih HARTA MODAL
Langkah 4 Tandakan ☑ bagi aset yang hendak disahkan
Langkah 5 Klik SAHKAN
Pengesahan Daftar Harta Modal dipaparkan
Langkah 6 Klik YA untuk mengesahkan Daftar Harta Modal dan klik TIDAK untuk membatalkan pengesahan
Langkah 7 Klik YA
Sistem G-ASSET akan mengesahkan Daftar Harta Modal
Pengesahan dipaparkan
Klik OK
Harta Modal Berjaya didaftarkan

4.3. Menunggu Pengesahan (Aset Bernilai Rendah)

Bagi mengemaskini maklumat Aset Bernilai Rendah dan mengesahkan Daftar Aset Bernilai Rendah

Proses bagi sub modul Menunggu Pengesahan Aset Bernilai Rendah adalah SAMA dengan langkah-langkah Menunggu Pengesahan Aset Harta Modal

Ulang Langkah Pengesahan Harta Modal dan Pengesahan Harta Modal Pukal

5. TELAH DISAHKAN

Bagi memaparkan dan memeriksa senarai aset yang telah disahkan

Langkah-langkah bagi sub modul Telah Disahkan

Langkah 1 Klik Modul Menunggu Pengesahan
Sub Modul dipaparkan

Langkah 2 Klik Submodul Telah Disahkan
Senarai Aset Telah Disahkan dipaparkan



Langkah 3 Pilih Harta Modal
Senarai Aset Harta Modal dipaparkan
Keterangan ikon
- Maklumat Penerimaan Aset
- Label Aset
- KEW.PA-3A
- KEW.PA-3B

Langkah 4 Klik .
Maklumat Aset dipaparkan



Maklumat Aset untuk semakan



Langkah 5 Klik
Label Aset dipaparkan



Label Aset boleh dicetak



Langkah 6 Klik

KEW.PA-3A dipaparkan



Langkah 7 Klik untuk membuat cetakan KEW.PA-3A

Langkah 8 Klik untuk *download* KEW.PA3A



Langkah 9 Klik
KEW.PA-3B dipaparkan



Langkah 10 Klik untuk membuat cetakan KEW.PA-3B

Langkah 11 Klik untuk *download* KEW.PA-3B

SISTEM PENGURUSAN ASET

BAB C

MODUL CARIAN DAN PENEMPATAN

BAB C

MODUL CARIAN DAN PENEMPATAN ASET ALIH

A. MODUL CARIAN

1. PENGENALAN

Modul Carian adalah modul untuk membuat carian bagi aset yang telah direkodkan didalam sistem G-ASSET

Modul Carian terbahagi kepada submodul berikut

- Carian Aset
- Carian Mengikut Bahagian
- Carian Pantas
- Carian Komponen
- Carian Aset Batal

2. CARIAN

Tujuan submodul carian aset adalah satu kaedah bagaimana pengguna boleh membuat carian data bagi Aset Agensi.

2.1. Aliran Kerja Carian Aset



2.2. Carian Aset

Langkah-langkah bagi Carian Aset

Langkah 1 Klik Modul Carian
Senarai sub modul diipaparkan

Langkah 2 Klik Submodul Carian Aset.
Carian Aset dipaparkan.



Langkah 3 Carian Aset boleh dicari dengan mengisi salah satu atau gabungan maklumat dari medan carian yang dipaparkan.

Pengguna boleh membuat tapisan carian mengikut:
Pilihan Tapisan boleh dibuat satu per satu atau semua tapisan dipilih

- Maklumat Cawangan/Bahagian/Lokasi
- Maklumat Asas
- Maklumat Rekod

> Tapisan **STATUS ASET** adalah untuk membuat carian bagi aset yang telah **DIPINDAHKAN, DILUPUS atau DIHAPUSKIRA**.

Langkah 4 TETAPAN SEMULA bagi mengisi semula maklumat carian.
Klik CARIAN
Hasil carian akan dipaparkan.



Langkah 5 Keterangan ikon

- Cetak Label QR V1 secara pukal
- Cetak Label QR V2 secara pukal
- Cetak Daftar Aset secara pukal
- memilih susunan hasil carian mengikut LABEL, SUB KATEGORI,JENIS, TARIKH BELI dan sebagainya
- Kembali kepada paparan sebelumnya, tapisan carian

Langkah 6 Klik pada atau untuk memaparkan maklumat aset tersebut.

Maklumat Aset akan dipaparkan.

2.2.1. Tab Maklumat Aset

Langkah 5 Keterangan ikon

- Cetak Label QR V1
- Cetak Label QR V2
- Cetak Label QR Komponen
- Cetak Daftar Aset (Bahagian A)
- Cetak Daftar Aset (Bahagian B)
- Kemaskini Maklumat Aset
- Kembali kepada paparan sebelumnya

a. Cetak label Aset.

Langkah 7 Klik .

Label Aset atau Label Komponen akan dipaparkan.



Label Aset boleh dicetak

b. Cetak KEW.PA-3A

Langkah 8 Klik

KEW.PA-3A/ KEW.PA-4A akan dipaparkan



Langkah 9 Klik untuk membuat cetakan KEW.PA-3A / KEW.PA-4A

Langkah 10 Klik untuk *download* KEW.PA-3A / KEW.PA-4A

c. Cetak KEW.PA-3B



Langkah 11 Klik

KEW.PA-3B / KEW.PA-4B akan dipaparkan



Langkah 12 Klik untuk membuat cetakan KEW.PA-3B/ KEW.PA-4B

Langkah 13 Klik untuk *download* KEW.PA-3B / KEW.PA-4B

d. Kemaskini Maklumat Aset



Langkah 14 Klik

Kemaskini maklumat Aset akan dipaparkan



